



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


11 DISEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 287 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 236,925 kes. Sebanyak tujuh (7) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu tiga (3) kes di Tuaran, dua (2) kes di Lahad Datu manakala masing-masing satu (1) kes di Keningau dan Kota Belud. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 359 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 227,425 orang. Manakala 1,087 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 533 orang di hospital, 544 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, lapan (8) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara dan dua (2) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 49 orang merangkumi 48 di ICU/repurposed kritikal care serta satu (1) di open ward (HDW/kubikel akut) manakala 15 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit stage empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 33 (25.38%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning empat (4) daerah.
- Zon Jingga dua (2) daerah.
- Zon Merah 21 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Setelah mencatatkan penurunan 66 kes kelmarin, jumlah kes di Sabah meningkat 24 kes hari ini menjadikan jumlah keseluruhan 287 kes.
- b. Kota Kinabalu merekodkan kes tertinggi hari ini dengan 57 kes (+10), diikuti Papar dengan 37 kes (+25) dan Ranau 33 kes (+19). Tuaran, Kota Belud dan Penampang mencatat penurunan jumlah kes harian walaupun pada skala yang kecil.
- c. Kebanyakan daerah mencatatkan jumlah kes di bawah paras 20 kes dengan 15 daerah hanya mencatatkan satu (1) angka sahaja. Tidak ada kes baharu di tiga (3) daerah.
- d. Seramai 54 orang (19%) daripada 287 pesakit hari ini melibatkan warga asing dan secara keseluruhan 132 pesakit (46%) adalah wanita. Hampir 20% daripada jangkitan hari ini melibatkan kanak-kanak bawah umur 12 tahun yang belum layak menerima vaksin.
- e. Seramai 277 orang daripada 287 pesakit adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2 yang mana pesakit dalam kategori ini hanya memerlukan pemantauan dan rawatan di rumah atau PKRC. Hanya seorang pesakit bagi setiap Kategori 3, Kategori 4 dan Kategori 5. Kes yang melibatkan tujuh (7) lagi pesakit masih dalam penilaian lanjut JKNS.
- f. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (142) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	4	1.39%
2	Bergejala	116	40.24%
3	Kontak	142	49.48%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	25	8.71%
JUMLAH		287	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (10 Disember 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 10/12/2021	Catatan Kes 11/12/2021	Perbandingan
1	Papar	12	37	+25
2	Ranau	14	33	+19
3	Kota Kinabalu	47	57	+10
4	Kinabatangan	2	6	+4
5	Putatan	16	19	+3
6	Tawau	5	7	+2
7	Beluran	2	4	+2
8	Kudat	2	4	+2
9	Kota Belud	17	18	+1
10	Tambunan	3	4	+1
11	Sipitang	1	2	+1
12	Tongod	0	1	+1
13	Nabawan	0	1	+1
14	Sandakan	12	12	Mendatar
15	Kuala Penyu	6	6	Mendatar
16	Semporna	0	0	Mendatar
17	Kunak	0	0	Mendatar
18	Kalabakan	0	0	Mendatar
19	Beaufort	18	7	-11
20	Tuaran	27	18	-9
21	Penampang	25	16	-9
22	Telupid	10	3	-7
23	Lahad Datu	7	2	-5
24	Tenom	16	12	-4
25	Kota Marudu	9	8	-1
26	Pitas	6	5	-1
27	Keningau	6	5	-1
JUMLAH		263	287	+24

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (27 November – 10 Disember)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	23	23	0	11	57	794
Papar	0	21	16	0	0	37	306
Ranau	4	22	5	0	2	33	301
Putatan	0	14	5	0	0	19	220
Tuaran	0	12	5	0	1	18	605
Kota Belud	0	9	7	0	2	18	327
Penampang	0	6	9	0	1	16	384
Tenom	0	2	7	0	3	12	159
Sandakan	0	7	3	0	2	12	124
Kota Marudu	0	6	2	0	0	8	185
Beaufort	0	2	5	0	0	7	239
Tawau	0	5	1	0	1	7	67
Kuala Penyu	0	3	3	0	0	6	137
Kinabatangan	0	4	1	0	1	6	138
Keningau	0	0	4	0	1	5	198
Pitas	0	1	4	0	0	5	81
Tambunan	0	0	4	0	0	4	70
Kudat	0	2	2	0	0	4	111
Beluran	0	2	2	0	0	4	60
Telupid	0	0	3	0	0	3	36
Lahad Datu	0	0	2	0	0	2	61
Sipitang	0	0	2	0	0	2	75
Tongod	0	0	1	0	0	1	28
Nabawan	0	1	0	0	0	1	4
Kunak	0	0	0	0	0	0	5
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	7
Semporna	0	0	0	0	0	0	7
JUMLAH	4	142	116	0	25	287	4,729

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Ranau	Kluster Debut Timbua	4
	Jumlah	4

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,364 unit

- Hospital 1,323 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,851 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 24.91%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 11 DISEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	280
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	5
Jumlah	287

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)

Turki	1
Jumlah	1

Import B (Jangkitan Luar Sabah)

Sarawak	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	233
Bukan Malaysia	54
Jumlah	287

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	56
Belum Menerima Vaksin	30
Menerima 1 Dos	1
Lengkap 2 Dos	194
Dos Penggalak	6
Jumlah	287

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	5
1 to 5	23
6 to 11	28
12 to 17	18
18 to 25	48
26 to 59	128
>60	37
Jumlah	287

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 10 Disember 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 2,906 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,636 orang adalah penduduk dewasa dan 270 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 10 Disember 2021 adalah seramai 2,444,272 orang. Ini meliputi 2,109,071 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.46% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,396,546 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,087,188 orang atau 75.67% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 335,201 orang atau 77.24% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 309,358 atau 71.28% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **679,776** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 10,171 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 34 hebah melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 129 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 36 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Ordinan Perkapalan 1952.

4

Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 1,300 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak dua (2) kompaun dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Tawau kepada pemilik premis atas kesalahan gagal menyediakan hand sanitizer dan satu lagi kompaun atas kesalahan gagal menyediakan pengimbas suhu. Sebanyak sembilan (9) notis dikeluarkan pada hari ini iaitu enam (6) di Daerah Keningau dan tiga (3) di Daerah Tawau.
- ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 666 premis perniagaan dan 5603 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.

5

Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 317 Premis Perniagaan melibatkan 171 anggota APM. Sebanyak tiga (3) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.

6

Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 111 anggota di 222 lokasi.

7

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.

8

Sejumlah 39 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tiga (3) daerah pada hari ini.

9

Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 89 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kota Kinabalu	98.6%
2	Ranau	98.6%
3	Tawau	98.6%
4	Kunak	98.6%
5	Tuaran	98.6%
6	Semporna	98.6%
7	Tenom	98.6%
8	Beluran	98.6%
9	Lahad Datu	98.5%
10	Keningau	98.5%
11	Penampang	98.5%
12	Papar	98.5%
13	Kudat	98.5%
14	Sipitang	98.5%
15	Kota Belud	98.5%
16	Sandakan	98.5%
17	Kinabatangan	98.5%
18	Kota Marudu	98.5%
19	Beaufort	98.5%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**